

**TAWARAN BIASISWA YT-TI YOUNG TALENT SCHOLARSHIP PROGRAMME
PERINGKAT IJAZAH PERTAMA
(LEPASAN STPM / STAM / ASASI / MATRIKULASI ATAU SETARAF)**

SYARAT PERMOHONAN

A. SYARAT UMUM

- i. Pemohon mestilah terdiri daripada **Rakyat Negeri Terengganu** di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.
- ii. Pemohon dan/atau ibu/bapa bukan rakyat Terengganu tetapi **bermastautin selama 10 tahun** atau lebih boleh juga memohon dengan menyertakan **Sijil Kerakyatan** atau **surat akuan bermastautin**.
- iii. Ibu/bapa dan/atau pemohon mestilah **mendaftar** sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.
- iv. **Keutamaan kepada pemohon dari keluarga berpendapatan rendah (B40).**
- v. Keutamaan calon yang mempunyai rekod pencapaian ko-kurikulum yang baik sekurang-kurangnya di peringkat negeri / kebangsaan.

B. SYARAT KHUSUS

i. **Tawaran Pengajian**

Telah mendapat tawaran/tempat mengikuti pengajian di Universiti Awam dalam negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

ii. **Lepasan Program Persediaan (Asasi / Matrikulasi atau Setaraf)**

Telah lulus dengan cemerlang (**CGPA 3.75 ke atas**) dalam peperiksaan program **persediaan (Asasi/Matrikulasi atau setaraf) DAN** lulus SPM dengan mendapat **Gred B+ dalam lapan (8) mata pelajaran termasuk mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta minimum Band 3** dalam peperiksaan **MUET**.

iii. **Lepasan STPM / STAM**

Lulus dengan cemerlang (**CGPA 4.00 / Mumtaz**) dalam peperiksaan **STPM / STAM** dan memperolehi **Gred A** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik** dalam peperiksaan **SPM** serta minimum **Band 3** dalam **MUET**.

iv. **Bidang Pengajian**

- a) Kejuruteraan Elektrik
- b) Kejuruteraan Awam (Hidrologi Kejuruteraan)
- c) Kejuruteraan Kimia
- d) Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)
- e) Sains (Alam Sekitar)
- f) Sains Kesihatan
- g) Analitik Data
- h) Perladangan

KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi pautan
<https://ytpenajaan.terengganu.gov.my/login>

Permohonan mesti dilengkapkan dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

UJIAN BERTULIS & TEMUDUGA

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Ujian Bertulis & Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

KEPUTUSAN TAWARAN

Penawaran biasiswa kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kouta, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.